



15 April 2022
15 April 2022
P.U. (A) 115

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2022

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2022.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“pembentukan modal benih” ertinya pembentukan yang diperuntukkan oleh suatu syarikat modal teroka kepada suatu syarikat teroka bagi tujuan penyelidikan, penilaian, dan pembangunan suatu konsep permulaan atau prototaip;

“pembentukan peringkat awal” ertinya pembentukan yang diperuntukkan oleh suatu syarikat modal teroka kepada suatu syarikat teroka sebagai—

(a) perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memulakan pengkomersialan suatu teknologi atau keluaran;

(b) perbelanjaan modal tambahan atau modal kerja tambahan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran, pemasaran atau pembangunan keluaran; atau

(c) suatu pembentukan interim bagi suatu syarikat teroka yang dijangka disenaraikan dalam senarai rasmi suatu bursa saham;

“pembiayaan permulaan” ertinya pembiayaan yang diperuntukkan oleh suatu syarikat modal teroka kepada suatu syarikat teroka bagi pembangunan keluaran dan pemasaran permulaan;

“Suruhanjaya Sekuriti Malaysia” ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*];

“syarikat modal teroka” ertinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
- (b) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- (c) melabur dalam satu atau lebih dari satu syarikat teroka dalam bentuk pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal;

“syarikat teroka” ertinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;
- (b) bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan
- (c) terlibat dalam menggunakan pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal bagi—
 - (i) aktiviti atau keluaran yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];
 - (ii) aktiviti perniagaan berasaskan teknologi sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan berhubung dengan insentif cukai modal teroka yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

- (iii) keluaran atau aktiviti yang dibangunkan di bawah skim penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; atau
- (iv) keluaran, perkhidmatan atau aktiviti yang dibangunkan di bawah skim geran penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan yang diluluskan oleh Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat modal teroka daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun ke atas semua punca pendapatan yang hendaklah—

- (a) bermula dari tahun taksiran dalam tempoh asas syarikat modal teroka itu mendapat perakuan pertamanya daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- (b) perakuan pertama yang diterima itu hendaklah tidak boleh lewat daripada 31 Disember 2026.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi tempoh lima tahun taksiran atau tahun-tahun taksiran bersamaan dengan baki hayat dana yang ditubuhkan bagi tujuan untuk melabur dalam suatu syarikat teroka, mengikut mana-mana yang terkurang (selepas ini disebut sebagai “tempoh pengecualian”).

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat modal teroka itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

(4) Pengecualian di bawah Perintah ini tidak terpakai kepada pendapatan faedah yang berbangkit daripada simpanan atau simpanan tetap dan keuntungan daripada deposit yang berlandaskan syariah.

Syarat kelayakan bagi pengecualian

4. (1) Bagi tujuan pengecualian di bawah subperenggan 3(1), syarikat modal teroka hendaklah, pada tiap-tiap tahun taksiran dalam tempoh pengecualian itu, mendapatkan perakuan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang mengesahkan bahawa—

- (a) ia telah melabur sekurang-kurangnya lima puluh peratus daripada dana yang dilaburkannya dalam bentuk pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan, pembiayaan peringkat awal atau mana-mana gabungan pembiayaan tersebut dalam syarikat teroka;
- (b) ia telah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada atau selepas 27 Oktober 2017 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2023; dan
- (c) ia tidak melabur dalam syarikat teroka, yang merupakan syarikat berkaitan syarikat modal teroka pada masa pelaburan pertama dibuat.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), “syarikat berkaitan” mempunyaierti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Kerugian daripada pelupusan pelaburan

5. Jika suatu syarikat modal teroka mengalami kerugian daripada pelupusan pelaburan dalam suatu syarikat teroka dalam suatu tempoh asas bagi mana-mana tahun taksiran dalam tempoh pengecualian di bawah Perintah ini, kerugian berkenaan hendaklah—

- (a) dibawa kepada tahun taksiran berikutnya selepas tamat tempoh pengecualian; dan
- (b) dipotong daripada pendapatan berkanun ke atas semua punca pendapatan.

Pembatalan, kecualian dan peralihan

6. (1) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2005 [P.U. (A) 75/2005], yang disebut sebagai "Perintah yang dimansuhkan" dalam perenggan ini, dibatalkan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2018.

(2) Jika suatu syarikat modal teroka telah diberi pengecualian di bawah Perintah yang dimansuhkan, maka pengecualian sedemikian itu hendaklah terus kekal berkuat kuasa bagi baki tahun taksiran dalam tempoh pengecualian syarikat modal teroka itu seolah-olah Perintah yang dimansuhkan itu tidak dibatalkan oleh Perintah ini.

(3) Apa-apa permohonan bagi pengecualian di bawah Perintah yang dimansuhkan yang masih belum diputuskan pada tarikh kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada tarikh itu, terhenti daripada diperlakukan di bawah Perintah yang dimansuhkan dan hendaklah diperlakukan di bawah Perintah ini.

Dibuat 13 April 2022

[MOF.TAX(S)700-2/7/695; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-168; PN(PU2)80/JLD. 105]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 2) Order 2022.**

(2) This Order is deemed to have effect from the year of assessment 2018.

Interpretation

2. In this Order—

“seed capital financing” means a financing provided by a venture capital company to a venture company for the research, assessment and development of an initial concept or prototype purposes;

“early stage financing” means a financing provided by a venture capital company to a venture company as—

(a) capital expenditure or working capital to initiate commercialisation of a technology or product;

(b) additional capital expenditure or additional working capital to increase production capacity, marketing or product development; or

(c) an interim financing for a venture company that is expected to be listed on the official list of a stock exchange;

“start-up financing” means a financing provided by a venture capital company to a venture company for product development and initial marketing;

“Securities Commission Malaysia” means the Securities Commission Malaysia established under Securities Commission Malaysia Act 1993 [*Act 498*];

“venture capital company” means a company which—

- (a) is incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*];
- (b) is registered with the Securities Commission Malaysia; and
- (c) invests in one or more than one venture company in the form of seed capital financing, start-up financing or early stage financing;

“venture company” means a company which is—

- (a) incorporated under the Companies Act 2016;
- (b) resident in Malaysia in the basis period for a year of assessment; and
- (c) involved in utilising the seed capital financing, start-up financing or early stage financing for—
 - (i) activities or products promoted under the Promotion of Investment Act 1986 [*Act 327*];
 - (ii) technology-based business activities as specified in the guideline in relation to venture capital tax incentive issued by the Securities Commission Malaysia;
 - (iii) products or activities that have been developed under the research and development scheme approved by the Ministry of Science, Technology and Innovation; or

- (iv) products, services or activities that have been developed under the research, development and commercialisation grant scheme approved by the Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.

Exemption

3. (1) The Minister exempts a venture capital company from the payment of income tax in respect of the statutory income on all sources of income which shall—

- (a) commence from the year of assessment in the basis period the venture capital company obtains its first certification from the Securities Commission Malaysia; and

- (b) the first certification received shall not be later than 31 December 2026.

(2) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period of five years of assessment or the years of assessment equivalent to the remaining life of the fund established for the purpose of investing in a venture company, whichever is the lesser (hereinafter referred to as “the exemption period”).

(3) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the venture capital company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

(4) The exemption under this Order shall not apply to interest income arising from savings or fixed deposits and profits from syariah-based deposits.

Conditions to qualify for the exemption

4. (1) For the purpose of exemption under subparagraph 3(1), the venture capital company shall, for each year of assessment in the exemption period, obtain a certification from the Securities Commission Malaysia confirming that—

- (a) it has invested at least fifty percent of its invested funds in the form of seed capital financing, start-up financing, early stage financing or any combination of such financing in venture companies;
- (b) it is registered with the Securities Commission Malaysia on or after 27 October 2017 but not later than 31 December 2023; and
- (c) it has not invested in a venture company, which is a related company of the venture capital company at the point the first investment is made.

(2) For the purpose of subparagraph (1), “related company” has the same meaning assigned to it under subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986.

Losses from disposal of investment

5. Where a venture capital company incurs a loss from the disposal of investment in a venture company in the basis period for any year of assessment within the exemption period under this Order, such loss shall be—

- (a) carried forward to the year of assessment following the post-exemption period; and
- (b) deducted from the statutory income on all sources of income.

Revocation, savings and transitional

6. (1) The Income Tax (Exemption) (No. 11) Order 2005 [P.U. (A) 75/2005], which is referred to as the “repealed Order” in this paragraph, is revoked with effect from the year of assessment 2018.

(2) Where a venture capital company has been granted an exemption under the repealed Order, such exemption shall continue to remain in effect for the remainder year of assessment in the exemption period of that venture capital company as if the repealed Order was not revoked by this Order.

(3) Any application for an exemption under the repealed Order which is pending on the date of the coming into operation of this Order shall, on that date, cease to be dealt with under the repealed Order and shall be dealt with under this Order.

Made 13 April 2022

[MOF.TAX(S)700-2/7/695; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-168; PN(PU2)80/JLD. 105]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]